



DINAIKI AIR...hujan lebat di sekitar Kuala Lumpur menyebabkan Jalan Raja Muda Abdul Aziz di naiki air.

Sesak teruk

Jalan Raja Muda Abdul Aziz dilanda banjir kilat

>>Oleh Muhammad Apendy Issahak

apendy@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Hujan lebat di sekitar ibu kota bermula tengah hari semalam, menyebabkan Jalan Raja Muda Abdul Aziz, di sini mengalami banjir kilat hingga mengakibatkan kesesakan lalu lintas.

Air mula naik kira-kira jam 2.30 petang ekoran hujan lebat hampir dua jam sebelum itu, bagaimanapun ia beransur su-

rut beberapa jam kemudian selepas hujan mula reda.

Kedua-dua laluan di jalan berkenaan dinaiki air menyebabkan kenderaan yang melalui kawasan itu terpaksa bergerak perlahan hingga mengakibatkan kesesakan lalu lintas yang agak teruk.

Sementara itu, Penolong Pengerah Operasi Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Azizan Ismail berkata, pihaknya tidak mendapat sebarang maklumat atau laporan berhubung banjir kilat itu.

“Kita tidak mendapat sebarang laporan berhubung kejadian banjir di ibu negara hari ini (semalam), mungkin banjir kilat itu tidak serius atau membabitkan mangsa yang terperangkap dalam kereta dan sebagainya,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Sementara itu di Rawang, hujan lebat turut menyebabkan pekan lama dinaiki air 0.2 meter. Bagaimanapun, banjir berkenaan beransur pulih selepas hujan berhenti.